



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PANDUAN PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MURID

MATEMATIK

TAHUN 2

MATLAMAT KURIKULUM

Matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Matematik adalah untuk membina pemahaman murid tentang konsep nombor, kemahiran asas dalam pengiraan, memahami idea matematik yang mudah dan berketrampilan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran matematik secara berkesan dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian.

OBJEKTIF KURIKULUM

Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Matematik membolehkan murid:

- 1 Memahami dan mengapikasi konsep dan kemahiran matematik dalam pelbagai konteks.
- 2 Memperluaskan penggunaan kemahiran operasi asas tambah, tolak, darab dan bahagi yang berkaitan dengan Nombor dan Operasi, Sukatan dan Geometri, Perkaitan dan Statistik.
- 3 Mengenal pasti dan menggunakan perkaitan dalam idea matematik, di antara bidang matematik dengan bidang lain dan dengan kehidupan harian.
- 4 Berkomunikasi menggunakan idea matematik dengan jelas serta penggunaan simbol dan istilah yang betul.
- 5 Menggunakan pengetahuan dan kemahiran matematik untuk diaplikasi dan membuat penyesuaian kepada pelbagai strategi bagi menyelesaikan masalah.
- 6 Berfikir, menaakul dan membuat penerokaan secara matematik dalam kehidupan seharian.
- 7 Menggunakan pelbagai perwakilan untuk menyampaikan idea matematik dan perkaitannya.
- 8 Menghargai dan menghayati keindahan matematik.
- 9 Menggunakan pelbagai peralatan matematik secara efektif termasuk TMK untuk membina kefahaman konsep dan mengapikasi ilmu matematik.

| BAND | PERNYATAAN STANDARD |
|-------------|--|
| 1 | Tahu pengetahuan asas matematik |
| 2 | Tahu dan faham pengetahuan asas matematik |
| 3 | Tahu dan faham pengetahuan asas matematik bagi melakukan operasi asas matematik, penukaran asas dan menyelesaikan masalah yang melibatkan perkataan |
| 4 | Tahu dan faham pengetahuan matematik bagi melakukan langkah-langkah pengiraan matematik secara terbimbing, penukaran dan menyelesaikan masalah matematik mudah |
| 5 | Menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah matematik yang kompleks dengan menggunakan pelbagai strategi |
| 6 | Menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah matematik yang kompleks secara kreatif dan inovatif |

| TAJUK / MODUL | BAND | DESKRIPTOR |
|---|------|--|
| <p>NOMBOR DAN OPERASI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor Bulat • Penambahan • Penolakan • Pendaraban • Pembahagian • Pecahan • Perpuluhan • Wang | 1 | <p>Menama dan mengenalpasti dengan betul</p> <ul style="list-style-type: none"> • sebarang nombor bulat dalam angka atau perkataan |
| | 2 | <p>Menulis dan menyatakan dengan betul dan tepat</p> <ul style="list-style-type: none"> • rangkaian nombor • nilai tempat dan nilai digit • mencerakinkan nombor bulat • pembundaran nombor bulat |
| | 3 | <p>Melakukan dengan betul, tepat dan jelas</p> <ul style="list-style-type: none"> • pengiraan operasi tambah, tolak, darab dan bahagi melibatkan nombor bulat • perbandingan nilai dua pecahan wajar • perbandingan nilai perpuluhan • pengiraan operasi tambah dan tolak wang |
| | 4 | <p>Menyelesaikan masalah harian matematik melibatkan tambah, tolak, darab dan bahagi nombor bulat dan wang dengan betul, tepat, jelas dan sistematik</p> |
| | 5 | <p>Mengaplikasi pelbagai strategi penyelesaian masalah harian matematik secara sistematik dan kreatif</p> |
| | 6 | <p>Menganalisis masalah harian matematik bukan rutin secara logik matematik untuk berkomunikasi secara sistematik, kreatif dan inovatif</p> |

| TAJUK / MODUL | BAND | DESKRIPTOR |
|---|------|--|
| <p>SUKATAN DAN GEOMETRI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masa dan Waktu • Ukuran Panjang • Timbangan • Isi padu Cecair • Bentuk Tiga Dimensi • Bentuk Dua Dimensi | 1 | Menama dan mengenalpasti dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • waktu berdasarkan muka jam |
| | 2 | Menulis dan menyatakan dengan betul dan tepat <ul style="list-style-type: none"> • perkaitan antara unit ukuran |
| | 3 | Melakukan dengan betul, tepat dan jelas <ul style="list-style-type: none"> • bacaan pada alat-alat ukuran dalam unit piawai • bentangan pelbagai bentuk 3D |
| | 4 | Menyelesaikan masalah harian matematik melibatkan sukatan dan geometri dengan betul, tepat, jelas dan sistematik |
| | 5 | Mengaplikasi pelbagai strategi penyelesaian masalah harian matematik yang melibatkan sukatan dan geometri secara sistematik dan kreatif |
| | 6 | Menganalisis masalah harian matematik bukan rutin secara logik matematik untuk berkomunikasi secara sistematik, kreatif dan inovatif |